

EKSPRESI EMOSI MELALUI BAHAN BACAAN SASTERA KANAK-KANAK

ARBA'IE SUJUD
Universiti Putra Malaysia
arbaie@upm.edu.my

NURUL AZIMAH ABDULL SEDIK
Universiti Putra Malaysia
nurulazimah@gmail.com

NIK RAFIDAH NIK MUHAMAD AFFENDI
Universiti Putra Malaysia
nikrafidah@gmail.com

INTAN ZAHARIAH GAISUN
Universiti Putra Malaysia
intanzahariah@gmail.com

ABSTRAK

Hasil kesusasteraan tidak membawa sebarang pengertian tanpa kehadiran rasa dan emosi di dalamnya khususnya sastera kanak-kanak. Kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang dapat merangsang emosi dan perasaan mereka agar pertumbuhan dan perkembangan emosi mereka seiring dan seimbang dengan perkembangan jasmani, rohani, intelektual dan sosialnya. Bahan bacaan bukan sahaja perlu ada unsur pengajaran atau ilmu pengetahuan semata-mata, namun emosinya juga penting bagi membangkitkan nilai rasa dan kejiwaan dalam diri kanak-kanak itu sendiri. Dengan adanya emosi dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak yang ditampilkan, jiwa mereka lebih terangsang dan ini menjadikan perkembangan emosi mereka dapat berkembang seiring dengan tahap masing-masing. Tanpa emosi, sesuatu karya yang dihasilkan hambar dan tidak menarik perhatian khalayak khususnya kanak-kanak untuk terus membaca karya tersebut kerana karya yang dihasilkan itu kurang daya gerakan emosi dan membosankan mereka. Justeru, artikel ini akan menganalisis ekspresi emosi kanak-kanak yang dikesan melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak.

Kata kunci: sastera kanak-kanak; perkembangan kanak-kanak; ekspresi; jiwa; emosi

EXPRESSION OF EMOTION VIA CHILDREN'S LITERATURE READING

ABSTRACT

The outcome of literature does not bring any meaning without the presence of feeling and emotion, especially in the aspect of children's literature. Children need reading materials that are able to stimulate their feeling and emotion so that their emotion growth and development are in line with their physical, spiritual, intellectual and social development. Reading materials should not solely contain element of teaching or knowledge, but the element of emotion is also important to evoke the sense of feeling and psychology in children. With the presence of emotion in children's literature reading, their emotion will be more stimulated

and ensure that their emotional development is parallel with the stages of their childhood development. Without emotion, any piece of write up will be bland and would not be able to attract the interest of the mass, especially among children to read the material further due to the lack of emotional attention which eventually make them bored. Thus, this article will analyze children's emotional expression detected when they read children's literature.

Keywords: children literature; children development; expression; soul; emotion

PENGENALAN

Kesusasteraan kanak-kanak merupakan jenis sastera genre yang mengungkapkan persoalan tentang dunia kanak-kanak yang disampaikan secara lisan mahupun tulisan. Hal ini selaras menurut Sutherland, Z(1986), bahawa sastera kanak-kanak merangkumi semua jenis penulisan berbentuk kreatif dan imajinatif yang khususnya dibaca, dihiburkan, dan dinilai kanak-kanak. Mereka mempunyai banyak keinginan semula jadi. Antaranya mereka memerlukan jaminan keselamatan dari segi materi, emosi, rohani. Selain itu mereka juga ingin menyayangi dan disayangi, dihargai dan mempunyai rasa ingin tahu. Menurut Arman Sani (1976:12), fungsi kesusasteraan kanak-kanak untuk memberi teladan, hiburan dan meluaskan pandangan, antara fungsi yang terpenting ialah untuk membentuk jiwa positif dalam kalangan kanak-kanak.

Sastera kanak-kanak sewajarnya mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Hal ini bukan sahaja berkait rapat dengan pemahaman tentang kanak-kanak malahan juga pembentukan emosi mereka. Dalam konteks kajian ini, kesusasteraan sedikit sebanyak dilihat menyumbang ke arah pemahaman tentang pembentukan jiwa kanak-kanak. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis ekspresi emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. Permasalahan ini berangkat dari kenyataan yang dikeluarkan sidang pengarang majalah *Dewan Sastera* 1990, bahawa dunia penulisan sastera kanak-kanak di Malaysia sedang berkembang dengan pesatnya. Namun perkembangan penulisan yang pesat ini tidak diiringi usaha pengkajian yang serius oleh para penyelidik sastera. Rentetan itu, kajian ini cuba melihat dengan lebih dekat lagi pembentukan emosi sekali gus dapat melahirkan ekspresi emosi dalam kalangan kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. Hal ini kerana emosi menjadi antara salah satu aspek penting khususnya dalam perkembangan psikologi kanak-kanak.

Jika ditinjau dari sudut sejarah, sastera kanak-kanak bermula dengan sastera lisan, Contohnya cerita rakyat mendapat tempat dalam kalangan kanak-kanak sejak sekian lama. Dalam konteks ini Ismail Ahmad (1979: 36-38) menyatakan bahawa bacaan sastera bukannya membina jiwa kanak-kanak sekali gus bukannya memberikan panduan dan pengajaran sekali gus, bukannya memberikan panduan dan pengajaran sekali gus, akan tetapi memberikan pengalaman orang lain, dan penderitaan, kegembiraan, dan kesedihan orang lain. Dalam erti kata lain bahawa melalui bahan bacaan sedia ada, kanak-kanak bukan sahaja dapat mengenal emosi dan perasaan mereka, malahan emosi orang lain juga. Ia adalah suatu perkembangan positif kepada kanak-kanak itu sendiri apabila emosi mula membentuk dalam diri mereka, dan ekspresi emosi dapat dikenal pasti. Kanak-kanak mula dapat mengenali emosi dasar mereka. Tetapi bagi ibu bapa atau masyarakat sekeliling pula, bagaimanakah mereka ini ingin mengetahui emosi yang sedang dialami kanak-kanak tersebut? Malahan timbul persoalan, apakah pula yang merangsang kepada munculnya emosi mereka. Hal ini selaras dengan persoalan yang diungkapkan Mahmood Nazar Mohamed (2001) bahawa bagaimanakah seseorang dapat mengenali emosi sendiri. Bersandarkan permasalahan ini timbulnya persoalan lain yang ingin dikaji iaitu bagaimanakah ekspresi emosi dikesan dalam

kalangan kanak-kanak ketika mereka berhadapan bahan bacaan sastera yang dihidangkan untuk mereka.

Sehubungan itu, sastera kanak-kanak adalah antara salah satu medium yang dapat mendidik dan menghiburkan kanak-kanak. Hal ini kerana hubungan sastera dengan kanak-kanak tidak dapat dipisahkan kerana keduanya saling melengkapi. Sebagaimana menurut Sohaimi Abdul Aziz (1997), hal ini disebabkan kehidupan masyarakat dalam pelbagai bentuk dan ragam menjadi ilham kepada pengarang untuk berkarya. Justeru, daripada karya sastera inilah menjadi perintis mencorak ilmu pengetahuan dalam kalangan kanak-kanak semasa mereka melalui proses perkembangan fizikal, mental dan emosi. Menurutnya lagi, cerita kanak-kanak seperti juga genre sastera yang lain dibina berasaskan kepada beberapa unsur dan di antaranya ialah emosi. Hubungan di antara emosi dengan cerita amat erat sekali umpama irama dan lagu. Tanpa emosi maka cerita itu menjadi hambar dan kering dan tidak mudah diterima kanak-kanak. Oleh yang demikian, aspek emosi amat dititikberatkan dalam sastera kanak-kanak agar kesan rasa dan rangsangan jiwa dapat terbentuk dalam diri mereka.

METODOLOGI

Pelbagai takrifan berhubung sastera kanak-kanak yang diberikan pelbagai sarjana seperti Abdul Ahmad (1980: 34), Othman Puteh (1981: 7-8), Molina S. Nijhar (1981), Zena Sutherland (1986) dan Izzah Abdul Aziz (1998: 6-9). Melalui pandangan yang dinyatakan para sarjana, kesusasteraan kanak-kanak dapat disimpulkan sebagai penulisan yang disasarkan kepada golongan kanak-kanak, mengandungi elemen-elemen pendidikan yang positif dan menggerakkan minda kanak-kanak kepada perkembangan kognitif yang aktif. Dapatlah ditegaskan bahawa sastera kanak-kanak memainkan peranan yang mendalam dalam pembentukan minat dan kesedaran kanak-kanak terhadap bahan bacaan. Akibat daripada kesedaran yang timbul, mereka akan merasakan satu kerugian jika masa yang ada tidak digunakan dengan membaca buku-buku cerita.

Pengkajian ini menggunakan bahan bacaan kanak-kanak yang terdiri daripada bahan dalam bentuk nyata, mahupun fantasi, selain turut memuatkan cerita-cerita yang lebih logik bagi menjentik akal dan minda kanak-kanak. Sebanyak tiga buah bahan yang digunakan iaitu seperti jadual berikut:

Tajuk	Penulis	Penerbit	Tahun Terbit	Muka Surat
<i>Cinderella</i>	Kohwai & Young	Kohwai & Young Publications	2008	16
<i>Jack dan Pokok Kacang Ajaib</i>	Kohwai & Young	Kohwai & Young Publications	2008	16
<i>Si Comel Bertudung Merah</i>	Kohwai & Young	Kohwai & Young Publications	2008	16

Batasan kajian ini dilakukan dengan meneliti beberapa bahan bacaan kanak-kanak dari pelbagai genre sebagai kajian awal. Bagaimanapun dipilih tiga bahan bacaan mengikut kesesuaian umur iaitu tujuh hingga lapan tahun, yang dianggap dominan dengan keperluan kajian yang meliputi kepelbagaian tema, persoalan dan latar. Jumlah ini difikirkan wajar, kerana melaluinya akan diteliti ekspresi emosi kanak-kanak melalui faktor-faktor yang membina bahan bacaan sastera tersebut yang menjadi tunjang utama kajian. Bahan bacaan kanak-kanak dipilih berdasarkan ciri-ciri dan kriteria yang ditetapkan sebagaimana yang diterangkan Sulaiman Masri (1993: 15-19) iaitu:


- i. Buku-buku haruslah dikarang berdasarkan tujuan tertentu yang berlandaskan pada tujuan pendidikan yang hendak dicapai (sesuai dengan taraf pendidikan kanak-kanak, mengikut kesesuaian umur).
- ii. Buku-buku tersebut haruslah disesuaikan dengan bahan yang diperlukan untuk mencapai matlamat pendidikan kanak-kanak.
- iii. Kaedah penulisan perlu selalu dipertimbangkan, misalnya kesulitan-kesulitan yang akan dihadapi kanak-kanak ketika membaca buku-buku tersebut (bahan-bahan atau isi cerita hendaklah dimulakan dengan bahan yang selalu dilihat, diketahui atau didengar kanak-kanak).
- iv. Bahasa yang digunakan harus sesuai dengan taraf pencapaian bahasa kanak-kanak.
- v. Memaparkan gambar atau ilustrasi berdasarkan fungsinya yang sebenar (jumlah gambar atau ilustrasi harus mengikut kesesuaian peringkat umur).
- vi. Bentuk fizikal bahan bacaan seperti kertas, ukuran buku (tebal dan nipis), ukuran huruf, jarak antara huruf, perkataan atau angka, ukuran dan penempatan gambar atau ilustrasi. Semuanya memerlukan pertimbangan didaktis-metodologis dan didaktis-psikologis.

Melalui kajian ini, dihimpunkan 70 orang kanak-kanak yang terdiri daripada usia tujuh hingga lapan tahun. Kanak-kanak ini dipilih dari tujuh buah negeri yang mewakili setiap zon di Malaysia bagi dijadikan sampel kajian. Kanak-kanak tersebut juga terdiri daripada mereka yang lemah, sederhana dan cemerlang dari akademik. Pemilihan tersebut dilakukan berdasarkan temu bual dengan guru-guru mereka. Negeri-negeri dan zon yang terlibat adalah Melaka mewakili zon selatan, Selangor, mewakili zon barat, Perak mewakili zon utara, Kelantan mewakili zon timur, Putrajaya mewakili wilayah, negeri Sabah dan Sarawak.

Teori Emosi dan Ekspresi Emosi

Teori Emosi mula diperkenalkan William James dan Carl Lange pada tahun 1887, dan dikenali sebagai teori James-Lange. Teori ini mengatakan bahawa perkara luaran yang merangsangkan seseorang akan merangsangkan organ visera dalam badan dan kemudian mengakibatkan terkumpulnya pengalaman emosi atau perubahan pada perasaan. Seseorang itu berasa sedih sebab dia menangis dan mengeluarkan air mata; manakala berasa takut akan menyebabkan jantung berdebar-debar (Coon: 1983). Namun teori ini dicabar Walter Cannon kerana tidak melibatkan aspek kognitif. Justeru dengan mengambil kira proses dan keperluan kognitif, teori emosi kognitif oleh Stanley Schachter dan juga teori emosi kognitif Arnold-Ellis (Magda B. Arnold dan Albert Ellis) diketengahkan. Dengan kata lain, terdapat dua komponen teori mengenai emosi, iaitu teori berasaskan fisiologi yang terdiri dari Teori Tiga Lapisan Otak, Teori James-Lange dan Teori Cannon-Bard (Walter Cannon dan Philip Bard). Manakala komponen kedua berasaskan kognitif seperti Teori Schachter-Singer (Stanley Schachter dan Jerome Singer) dan Teori Arnold-Ellis. Teori fisiologi menyatakan bahawa kebanyakan emosi yang diluahkan manusia adalah di bawah kawalan satu siri neuron yang terletak di satu kawasan otak yang dinamakan sebagai sistem limbik. Teori kognitif pula melibatkan penafsiran dan proses fisiologi, tindak balas emosi dibentuk akibat dari tindak balas neuron. Perasaan dan emosi berlaku apabila sesuatu label diberi pada setiap rangsangan fizikal yang berlaku secara umum. Misalnya apabila seseorang itu terangsang dalam apa jua keadaan, dia akan memberi interpretasi terhadap perasaannya pada ketika itu. Sekiranya orang itu diperanjatkan dari belakang, badan orang itu akan terangsang secara spontan seperti jantung berdebar, tapak tangan berpeluh, tidak kira siapa yang memeranjatkannya.

Dalam konteks ini, sekiranya didapati orang yang memeranjatkannya tidak dikenali, orang itu akan mentafsir perasaan dan rangsangan badan sebagai perasaan takut. Manakala jika didapati orang yang memeranjatkannya adalah orang yang dikenali, rangsangan badan ditafsirkan sebagai kerianan dan perasaan suka. Label dan interpretasi (seperti marah, takut dan gembira) yang diberi kepada rangsangan badan didapati banyak dipengaruhi pengalaman terdahulu, keadaan semasa dan reaksi daripada orang lain.



RAJAH 1. Diubahsuai daripada Teori Emosi Model Cannon-Bard dan Arnold Ellis

Teori kognitif Arnold-Ellis yang menekankan kepentingan terhadap penilaian serta interpretasi sesuatu kejadian atau peristiwa daripada rangsangan yang boleh menyebabkan terjadinya emosi. Sebagai contoh dapat dilihat apabila seseorang mendapat berita daripada seseorang yang lain, perubahan emosi akan berlaku jika berita yang diterima positif dan ia akan berasa gembira, tetapi jika negatif ia akan berasa sedih. Justeru, sesiapa yang menghadapinya akan menginterpretasi pelbagai situasi dan peristiwa yang berkaitan sebelum memaparkan sesuatu emosi. Oleh yang demikian bahagian talamus akan menerima rangsangan dari luaran dan terus dihantar ke bahagian korteks untuk dianalisis dan diinterpretasikan (Mahmood Nazar Mohamed: 2001). Kemudian, rangsangan yang berlaku akan dihantar ke bahagian hipotalamus yang bertanggungjawab menghasilkan reaksi emosi yang bersesuaian seperti dalam Rajah 1. Teori ini diguna pakai dalam bidang terapi jiwa dan tingkah laku. Gambaran mengenai teori emosi yang menjadi acuan dalam pelaksanaan kajian ini sebagaimana Rajah 1.

Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak

Bahan bacaan sastera kanak-kanak terdiri daripada pelbagai genre yang mengandungi kisah dan nilai rasanya yang tersendiri. Dengan adanya nilai rasa dalam sesebuah bahan bacaan sastera, perubahan emosi dalam diri kanak-kanak dapat diperhatikan dan pelbagai jenis ekspresi emosi akan ditampilkan. Dalam konteks ini, emosi adalah sesuatu yang dirasai seseorang tatkala berhadapan dengan sesuatu peristiwa atau situasi tertentu. Emosi sering kali dikaitkan sebagai suatu bentuk pengalaman manusia kerana apa yang mencetuskan perasaannya pada masa itu, datang daripada apa yang dilihat, dirasa atau ditanggapi daripada persekitaran. Dalam hal ini emosi akan memberi isyarat kepada pemikiran untuk melakukan sesuatu tindakan sebagai respons terhadap perasaannya yang menghasilkan reaksi positif mahupun negatif (Rozita Ahmad: 2005: 437-444).

Perasaan dan emosi biasanya disifatkan sebagai sesuatu keadaan dari diri individu yang berlaku pada sesuatu keadaan. Dengan kata lain, perasaan disifatkan sebagai sesuatu keadaan jiwa akibat daripada adanya peristiwa-peristiwa atau rangsangan dari luar. Dengan adanya rangsangan-rangsangan dari luar ini menyebabkan timbulnya ekspresi emosi dalam kalangan individu khususnya kanak-kanak yang disebabkan keadaan persekitarannya juga. Bruno (1984) mendefinisikan emosi sebagai satu keadaan bangkitan yang mengganggu garis dasar homeostasis. Beliau melihat emosi dari perspektif ini kerana apabila seseorang mengalami emosi, hampir keseluruhan keadaan homeostasisnya terganggu dengan pelbagai perubahan fisiologi yang berlaku dalam tubuhnya. Dengan yang demikian, emosi kanak-kanak dapat dikesan melalui beberapa penanda emosi. Antaranya melalui wajah atau air muka, mata, bahasa atau kata-kata dan juga tingkah laku.

Oleh yang demikian, emosi merujuk kepada perasaan atau reaksi afektif yang berpunca daripada empat komponen iaitu fisiologi, kognitif, tingkah laku dan pengalaman subjektif. Keempat-empat komponen ini akan mewujudkan reaksi kepada individu. Perubahan emosi kanak-kanak dalam lingkungan usia tujuh hingga lapan tahun, dapat dilihat dan diteliti melalui ekspresi wajah, cara berinteraksi (luahan vokal) dan bagaimana mereka melayani kehendak diri sendiri. Kanak-kanak pada usia begini sudah mula bergaul dengan kanak-kanak lain dan mereka akan mengendalikan emosi mereka sendiri. Gerakan emosi positif memperlihatkan emosi kanak-kanak berkembang dengan baik. Bagi kanak-kanak yang kelihatan murung dan kurang bijak bergaul memperlihatkan perkembangan emosi yang negatif. Kanak-kanak yang tidak diberi peluang untuk menghadapi dan menyelesaikan sendiri emosi yang tidak rasional, akan menghadapi perkembangan yang menyukarkan pada masa akan datang. Justeru, hubungan antara emosi kanak-kanak dengan cerita adalah rapat sebagaimana dijelaskan Sohaimi Abdul Aziz (1998). Menurut beliau tanpa emosi cerita itu menjadi hambar dan kering dan sudah pastinya tidak mudah diterima kanak-kanak.

Kisah Cinderella

Hasil penelitian terhadap buku cerita *Cinderella*, menunjukkan bahawa pembentukan emosi kanak-kanak dapat menimbulkan ekspresi emosi mereka. Melalui ilustrasi yang ditampilkan, kanak-kanak dilihat seronok apabila tiba-tiba seorang pari-pari baik muncul dan menukarkan beberapa ekor tikus menjadi kuda, dan labu menjadi kereta kuda. Gambaran yang menakjubkan tersebut merangsang emosi kanak-kanak sehingga menyebabkan mereka kagum dengan peristiwa yang dianggap *magic* sebagaimana dilakukan pari-pari tersebut. Kanak-kanak semakin teruja apabila melihat gambar Cinderella yang berubah menjadi cantik dengan memakai gaun kembang dan kasut kaca. Hal ini ditambah dengan ilustrasinya yang besar dan jelas selain dilukiskan dengan teliti menjadikan gambar tersebut seakan hidup.

Sebagaimana menurut Md Sidin Ahmad Ishak (2008), bahawa ilustrasi menambahkan kegirangan dan perwatakan pada buku. Pelbagai bentuk, gaya dan teknik ilustrasi digunakan untuk menarik kanak-kanak. Justeru, melalui ilustrasi yang ditampilkan ada di antara kanak-kanak mengeluarkan kata-kata seperti 'wah' dan 'huiiyo' tanda kagum dengan ilustrasi tersebut. Oleh yang demikian, kehadiran ilustrasi dalam sesebuah bahan bacaan sastera kanak-kanak yang ditampilkan dapat menarik perhatian dan minat kanak-kanak selain menimbulkan ekspresi emosi mereka.

Menerusi peristiwa kasut Cinderella yang tercicir menimbulkan tanda tanya kepada kanak-kanak tentang perkara yang akan berlaku kepada Cinderella. Keaslian dan lukisan yang kreatif dapat dilihat dengan jelas menerusi gambar tersebut yang akhirnya membuatkan emosi kanak-kanak bertambah terangsang melaluinya. Ada juga di antara kanak-kanak berinteraksi sesama sendiri apabila melihat gambar tersebut :

Kanak-kanak 1 : "Wah, cantiknya Cinderella tu. Patutnya dia naik semula ambil kasut tu."

Kanak-kanak 2 : "Ni cerita kat istana. Tangga istana tinggi. Susah. Patutlah kasut dia tercabut."

Kanak-kanak 3 : "Macam mana dia nak balik, kasut dah tanggal."

Menerusi ungkapan kata-kata tersebut, kanak-kanak dilihat memaparkan emosi gembira dan menyenangkan. Kanak-kanak juga memahami isi cerita berdasarkan gambar yang dipaparkan dalam buku tersebut. Hal ini bertepatan dengan pandangan Baldinger (1986), bahawa ilustrasi adalah seni membuat gambar yang berfungsi untuk memperjelas dan menerangkan naskhah. Dalam konteks ini, pengarang dan penulis menggabungkan kreativiti dan imaginasi yang berasaskan ilmu pengetahuan dalam menyampaikan kisah teladan kepada kanak-kanak menerusi watak. Sebagaimana menurut Misran Rokimin (2000) meneliti sastera kanak-kanak sebagai agen pembangunan yang menjurus kepada pembangunan diri seseorang manusia itu, sama ada emosi, pemikiran atau kebahasaannya. Ketiga-tiga aspek ini akan terus berkembang, iaitu semakin banyak karya sastera yang dibacanya, semakin bertambah perkembangan berlaku dalam diri kanak-kanak itu.

Kisah Jack dengan Pokok Kacang Ajaib

Selain itu, kanak-kanak turut menunjukkan pelbagai reaksi emosi melalui cerita Jack dengan Pokok Kacang Ajaib. Hal ini dapat dilihat semasa peristiwa gergasi mengejar Jack yang menyebabkan kanak-kanak kelihatan ingin mengetahui apakah yang berlaku kepada Jack dan gergasi tersebut. Kanak-kanak juga dilihat memberi reaksi verbal dan bukan verbal. Gambaran bukan verbal dapat dilihat melalui ekspresi wajah iaitu gambaran geram dan marah terhadap gergasi tersebut. Hal ini ditambah pula dengan gambar yang dapat merangsang emosi seperti watak gergasi yang dilukiskan dengan besar dan memenuhi ciri-cirinya sebagai seekor gergasi yang garang dan jahat. Gambaran tersebut membuatkan kanak-kanak begitu tertarik dengan ilustrasi itu. Begitu juga dengan gambaran watak Jack yang sedang membawa seekor itik. Ilustrasi itu berhasil mencuit emosi kanak-kanak. Berdasarkan ilustrasi yang dipaparkan, kanak-kanak dilihat memaparkan emosi beriya-iyanya dan cemas, ada segelintir kanak-kanak bangun dan menjerit:

Kanak-kanak 1: "Cepat Jack lari, lari! Gergasi besar nak kejar."

Kanak-kanak 2: "Wah. Gergasi dah bangun. Tumbuk je lawan."

Melalui ungkapan kata-kata yang diluahkan kanak-kanak, menimbulkan rangsangan emosi dalam kalangan kanak-kanak tersebut. Sebagaimana menurut Paul Ekman dan Wallace V. Friesen (2009) bahawa kata-kata juga dapat digunakan untuk menyampaikan perasaan atau menjelaskannya. Tambahan pula, ilustrasi yang menarik menyebabkan emosi mereka lebih cepat terangsang dan diekspresikan melalui tingkah laku. Ada dalam kalangan

kanak-kanak menggenggam tangan tanda geram dan marah sambil membeliakkan bebola mata apabila melihat gergasi ingin mengejar Jack. Hal ini selaras dengan pendapat Mahmood Nazar Mohamed (2001) bahawa dalam keadaan marah seseorang akan menghentak-hentakkan kaki, menggenggam tangan serta mengetuk sesuatu dengan kuat.

Selain itu, ada juga di antara kanak-kanak yang mengungkap kata-kata dengan suara yang nyaring dan kuat tanda cemas dengan situasi yang dipaparkan dalam gambar. Kanak-kanak teruja dengan bangun sambil menunjukkan gambar yang terdapat dalam buku cerita tanda mereka betul-betul berminat dan tahu tentang watak serta dapat memahami isi cerita yang disampaikan. Sebagaimana menurut Hassan Hamzah (1990) teruja membawa maksud memberangsangkan, merangsang atau menghasut. Sifat teruja atau ingin tahu ini dikaitkan dengan kemahuan untuk mencari dan menambah pengetahuan. Ada dua jenis dorongan ingin tahu, iaitu tingkah laku meneroka dan tingkah laku manipulatif. Tingkah laku meneroka adalah disebabkan keperluan untuk mengetahui dan mempelajari asas manusia yang lain. Kanak-kanak menggunakan organ-organ deria untuk menjelajahi persekitaran. Mereka melihat, merasa dan sering mencuba untuk merasa objek yang dicapai. Rata-rata mereka dilihat melibatkan diri dalam sesi bercerita. Ilustrasi yang terdapat dalam bahan bacaan jelas merangsang emosi sehingga mereka dapat mengekspresikannya dalam pelbagai bentuk yang dikenal pasti melalui penanda-penanda emosi.

Kisah Si Comel Bertudung Merah


Hal ini sama dengan cerita Si Comel Bertudung Merah, emosi kanak-kanak dilihat mula bangkit setelah melihat gambar seekor serigala yang hodoh dan mereka menjadi beriya-iyanya untuk mengetahui kisah selanjutnya. Gambaran yang dilukiskan menerusi watak serigala jelas menunjukkan perwatakan yang dimiliki serigala iaitu jahat dan garang. Emosi kanak-kanak juga lebih mudah tertarik dengan gambar yang besar dan cantik selain adanya kesesuaian antara ilustrasi dengan teksnya. Menerusi peristiwa tersebut ada kanak-kanak yang bangun sambil menuding jari ke arah gambar serigala itu dan berkata:

Kanak-kanak 1: “Serigala tu jahat. Budak kecil tu tak tahu ke?”

Kanak-kanak 2: “Cuba tengok tu.” Sambil menuding jari ke arah serigala. “Serigala tu lagi besarlah daripada si comel tu. Lepas ni mesti dia kena makan dengan serigala tu.”

Kanak-kanak 3: “Nanti serigala tu tukar jadi orang tua. Jadi nenek. betul tak?”

Berdasarkan ilustrasi yang dipaparkan dalam bahan bacaan tersebut, kanak-kanak meluahkan emosi yang dirasakannya melalui ungkapan katan-kata selain menampilkan ekspresi wajah bagi menggambarkan rasa terkejut. Dalam konteks ini, emosi terkejut kanak-kanak dikenal pasti apabila kening kanak-kanak tersebut naik melengkung tinggi dan dilihat jelas berbanding biasa. Kerutan di bahagian dahi juga kelihatan dan mulut kanak-kanak terbuka luas sekali gus dikesan menampilkan emosi terkejut. Melalui ilustrasi yang terdapat dalam bahan bacaan tersebut berjaya mencuit emosi mereka sekali gus dapat menyelami watak yang ditampilkan pengarang dalam cerita. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak mengalami perkembangan yang baik bukan sahaja dari segi emosi tetapi juga bahasanya.



RAJAH 2. Teori Emosi Cannon-Bard

Dalam konteks ini, ilustrasi watak dalam buku kanak-kanak dihasilkan dalam pelbagai gaya misalnya realistik, kartun atau bergaya tertentu mengikut kesesuaian. Walau dalam gaya apa sekali pun, yang penting ialah sejauh mana keyakinan dapat diberi kepada mereka tentang watak tersebut. Dalam hal ini, konsistensi dalam ilustrasi watak adalah salah satu faktor penting. Ilustrasi juga boleh mewujudkan dunia visual yang dimasuki dan dilawati kanak-kanak. Melaluinya mereka diharap dapat menyaksikan kisah yang diceritakan (Md. Sidin Ahmad Ishak, 2008).


Hal ini selaras dengan teori emosi Cannon-Bard sebagaimana yang dinyatakan oleh Walter Cannon dan Philip Bard (1934) dalam Mok Soon Sang (2010) bahawa emosi berlaku apabila thalamus (dalam otak) menghantar tanda secara masa sama kepada kortek, lantas menimbulkan pengalaman kesedaran emosi dan kepada sistem saraf automatik mencetuskan penggiatan automatik (*automatic arousal*).

Menerusi paparan Rajah 2, ramai ahli teori hari ini bersetuju dengan pandangan Cannon-Bard bahawa emosi asal ditimbulkan daripada struktur otak subkortikal dan manusia tidak mendiskriminasi emosi mereka daripada penggiatan automatik yang berbeza-beza (Mok Soon Sang, 2010).

Bertepatan dengan pandangan Arnold dan Ellis bahawa interpretasi sesuatu peristiwa adalah rangsangan yang menyebabkan sesuatu emosi. Sehubungan dengan itu kanak-kanak akan menginterpretasikan pelbagai situasi dan peristiwa yang berkaitan sebelum memaparkan sesuatu emosi. Dalam konteks ini, menurut Rita L. Atkinson. et all. (2008) bahawa pengalaman emosional dapat ditimbulkan oleh masukkan eksternal pada sistem sensori; dapat didengar atau dilihat stimulus yang membangkitkan emosi. Tetapi saraf autonom menjadi aktif segera setelah itu, sehingga berbalik dari perubahan badani menambah pengalaman emosional. Jadi pengalaman sedar tentang emosi melibatkan integrasi informasi tentang situasi yang membangkitkan emosi dan cenderung kepada emosi yang dirasakan. Maka lahirlah ekspresi emosi melaluinya.

Oleh itu, rangsangan luaran akan diterima talamus dan terus dihantar ke bahagian korteks untuk dianalisis. Persepsi emosi dirasakan dan diinterpretasikan di bahagian ini. Kemudiannya rangsangan itu akan dihantar ke bahagian hipotalamus yang bertanggungjawab menghasilkan reaksi emosi yang bersesuaian sebagaimana Rajah 3. Ia dapat dikaitkan dengan keperluan bahan bacaan untuk kanak-kanak. Hasil daripada pembacaan bahan sastera ini dapat memperkayakan serta menambahkan pengalaman dan juga emosi dalam diri kanak-kanak itu sendiri. Oleh yang demikian, perihal bahan bacaan begitu penting dalam melihat perkembangan emosi kanak-kanak sekaligus menjadikan kanak-kanak celik ilmu bagi membentuk suatu generasi yang berpengetahuan tinggi.

Justeru, melalui contoh yang dinyatakan, hal ini membuktikan bahawa emosi kanak-kanak cepat terangsang dengan bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi yang besar, menarik dan juga berwarna-warni. Sebagaimana menurut Molina S. Nijhar dalam Othman Puteh dan Abdul Ahmad (1993) bahawa kanak-kanak gemar kepada halaman-halaman yang berwarna-warni dan penggunaan gambar yang baik. Ekspresi emosi yang ditampilkan kanak-kanak adalah melalui rangsangan bahan bacaan sastera terpilih, kemudian maklumat rangsangan dihantar ke bahagian otak yang dikenali sebagai sistem limbik.



RAJAH 3. Diubahsuai daripada Teori Emosi Model Cannon–Bard dan Arnold Ellis

Hal ini sebagaimana menurut Abdul Rahman Shaleh (2008) bahawa sistem limbik adalah kumpulan neuron yang saling berhubungan dengan otak hadapan. Di dalamnya termasuklah *amigdala*, *hipokampus*, *septum*, *cingulated gyrus*, dan sebahagian hipotalamus dan thalamus. Limbik adalah batas-batas sebelah dalam dari hemisfera serebral. Dalam korteks serebral terdapat sistem limbik manusia yang dapat mengungkapkan motivasi dan emosi secara kritis. Oleh itu, emosi kanak-kanak dapat dilihat setelah berlakunya proses tersebut sehingga menerbitkan ekspresi melaluinya sepertimana yang terdapat dalam teori emosi Arnold-Ellis. Hal ini turut menimbulkan minat kanak-kanak untuk terus mendengar cerita sehingga ke akhirnya dan ekspresi emosi kanak-kanak dapat dikenal pasti melalui bahan tersebut.

PENUTUP

Kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang dapat merangsang emosi dan perasaan agar pertumbuhan dan perkembangan emosi mereka seiring dan seimbang dengan perkembangan jasmani, rohani, intelektual dan sosial. Bahan bacaan bukan sahaja perlu mengandungi unsur pengajaran atau ilmu pengetahuan semata-mata, namun kandungan emosi kanak-kanak juga

penting bagi membangkitkan nilai rasa dan kejiwaan dalam diri mereka. Dengan adanya emosi dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak yang dihasilkan, jiwa mereka lebih terangsang dan ini menjadikan perkembangan emosi mereka dapat berkembang seiring dengan tahap peribadi masing-masing. Melalui Teori emosi Arnold-Ellis dan Cannon-Bard, kepentingan terhadap penilaian serta interpretasi sesuatu peristiwa daripada rangsangan yang menyebabkan sesuatu emosi. Dalam hal ini, interpretasi kanak-kanak terhadap sesuatu peristiwa dalam setiap cerita tersebut, hasil daripada faktor rangsangan, menyebabkan meletusnya sesuatu emosi. Kejadian atau peristiwa dalam cerita dapat memberi kesan emosi kepada kanak-kanak seperti gembira, seronok, teruja, bersemangat, bosan, takut atau bersahaja. Kanak-kanak yang terdidik dengan kepelbagaian bahan bacaan sastera juga mampu memahami erti dan selok belok kehidupan yang penuh dengan permainan emosi. Ia menjadikan mereka bukan sahaja aktif dari aspek emosi, malahan jasmani, rohani dan juga penaakulan.

RUJUKAN

- A. Wahab Ali. 1989. *Imej manusia dalam sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ahmad. 1980. "Salleh Daud: Editor sastera kanak-kanak". *Dewan Sastera*, Mac: 34.
- Abdul Halim Othman. 1993. *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Shaleh. 2008. *Psikologi suatu pengantar dalam perspektif Islam*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Abdullah Hassan, Ainon Mohd. 2002. *Mendorong kreativiti kanak-kanak*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Achmento. 2005. *Studi eksplorasi peta emosi orang rimba*. Jogjakarta: Fakultas Psikologi Universiti Gadjahmada.
- Adenan Hj. Abd. Wahab. 1980. "Penulisan cereka kanak-kanak di Malaysia." Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Agus Sujanto. 1986. *Psikologi perkembangan*. Jakarta: Aksara Baru.
- Arman Sani. 1976. "Wawancara dengan penulis/ pengarang sastera kanak-kanak" oleh Suhaimi Haji Muhammad. *Dewan Sastera* Julai: 12.
- Baldinger, Wallace. 1986. *The visual of art*. London: The Library Association.
- Bandura, A. 1971. *Social learning theory*. New Jersey: General Learning Press.
- Beatsy Hearn. 1985. *Choosing book for children: A common sense guide*. New York: Delacorte Press.
- Beck, R. C. 1983. *Motivation: Theories and principles*. New Jersey: Prentice Hall. Inc.
- Bruno, F.J. 1984. *Behaviour and life: And introduction to psychology*. New York: John Wiley and Sons.
- Buck, R. 1984. *The communication of emotions*. New York: Guilford Press.
- Cohen, C. Marion, L. dan Morrison, K. 2000. *Research methods in education*. New York: Routledge Falmer.
- Coon D. 1983. *Introduction to psychology: Exploration and application*. 3rd Ed. Minnesota: West Publishing Co.
- Ekman P & Friesen, W. V. 2009. *Buka dulu topengmu*. Yogyakarta: Penerbit Baca.
- Halis Azhan Mohd. Hanafiah. 2013 *Pengaplikasian teori hierarki kehendak manusia Maslow dalam novel dari padang hijau*. *Jurnal Semarak Bahasa*, 5, 145-168.
- Hasan Hamzah. 1990. *Suka duka politik Mahathir*. Kuala Lumpur: Media Printext Publicatuon.
- Hashim Awang. 1985. *Cerpen Malaysia sebelum perang dunia ke-2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ismail Ahmad. 1979. "Sastera dan kanak-kanak". *Dewan Sastera*. Februari: 36-38.
- Izzah Abdul Aziz. 1998. "Temu bual: Bahasa dalam sastera kanak-kanak". *Pelita Bahasa*, Januari: 6-9.
- L.Halliday Piel, 2010. "Loyal dogs and Meiji boys: The controversy over Japan's first children's story, Koganemaru (1891)". *Children's literature*, 38(1), 207-222.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. 2008. *Buku kanak-kanak di Malaysia sebagai warisan hasil seni*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Misran Rokimim. 2000. "Sastera kanak-kanak dan remaja: Dalam era globalisasi cabaran dan Masa Hadapannya." *Seminar sastera kanak-kanak dan remaja*. Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka. 7-8 November.
- Mohd Gulam Jamaludub, Hazar Kamali Din dan Hasniah Hussain. 2013. *15 teknik bercerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. 2010. *Kompetensi kecerdasan emosi*. Shah Alam: Penerbitan Multimedia.
- Molina S. Nijhar. 1981. "Apakah sastera kanak-kanak: Khasnya buku bergambar". *Bengkel Buku Bergambar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 14 Disember.
- Othman Puteh. 1981. "Mengerling sejenak sastera kanak-kanak". *Utusan Zaman*, 31 Januari: 7-8.
- Othman Puteh dan Abdul Ahmad (peny). 1993. *Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puvana A/P Palanisamy. 2000. Perkembangan Cerita fantasi kanak-kanak. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Rita L. Atkinsons, Richard C. Atkinsons & Ernest R. Hilgard. Nurdjanah Taufiq (thj). 2008. *Pengantar psikologi*. Jakarta: Penerbit Erlanga.
- Rozita Ahmad. 2005. "Pengaruh emosi dalam penzahiran seni persembahan Melayu". Dlm. Hashim Awang, Zahir Ahmad, Noor Hasnoor Mohamad Nor et.al. *Emosi Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 437-444.
- Sohaimi Abdul Aziz. 1998. *Membentuk kecerdasan emosi kanak-kanak melalui kesusasteraan Kanak-kanak*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sulaiman Masri. 1993. "Penulisan bahan bacaan kanak-kanak". *Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja*. Othman Puteh dan Abdul Ahmad (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.15-19.
- Sutherland, Z. 1986. *Children and Book*. London: Scott Foresman.
- Umi E. Na. 2013. *Tip mengarang buku cerita berilustrasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Zailani Zakaria. 2009. "Penilaian di prasekolah" Dlm. *Laman informasi sekolah*. Muat turun 21 Februari 2010. <http://cikguani.blogspot.com/2009/03/penilaian-di-prasekolah.html>.

Biodata Penulis:

Arba'ie Sujud

Penulis merupakan Professor Madya dan Timbalan Dekan (Akademik dan Pelajar) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM). Berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Stilistik selain pakar rujuk dalam bidang Kesusasteraan Melayu.

Nurul Azimah Abdull Sedik

Penulis berkelulusan MA (Kesusasteraan Melayu) dari UPM dan sekarang sedang melanjutkan pengajian dalam bidang Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di FBMK, UPM. Berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Kesusasteraan Melayu moden selain pakar rujuk dalam bidang sastera kanak-kanak.

Intan Zahariah Gaisun

Penulis berkelulusan Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama) dari UPM dan sekarang sedang melanjutkan pengajian dalam bidang Kesusasteraan Melayu di FBMK, UPM.